

Jubin konsep flora produk baharu UPM

KUALA LUMPUR – Orang ramai kini boleh memiliki transformasi inovatif jubin berkonsep flora tiga dalam satu untuk menghiasi kediaman masing-masing dengan teknologi baharu Universiti Putra Malaysia (UPM).

Transformasi jubin yang merangkumi ciptaan canggih hingga empat dimensi itu diperkenalkan oleh pasukan penyelidik UPM.

Menurut Ketua Kumpulan Penyelidik, Dr. Zulkifli Muslim, di samping mentransformasi bentuk jubin yang lebih canggih, idea ciptaan itu dicetuskan bagi mengekalkan kecantikan dan nilai-nilai Malaysia yang sinonim dengan kehidupan flora.


“Reka bentuk inovatif tersebut adalah berdasarkan kepada imej

bunga-bunga yang diolah menjadi jubin dua dimensi, jubin berlampu tiga dimensi beraneka kegunaan dan rekaan struktur lampu empat dimensi.

“Jubin ini boleh diaplikasikan untuk kegunaan reka hias dalaman dan juga taman yang lebih moden, tetapi sangat mesra alam,” katanya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

“Harga terendah bagi sekeping jubin flora ini ialah RM10, namun harga tersebut bergantung kepada jenis material jubin dan corak yang dipilih pembeli,” kata Zulkifli.

Menurutnya, orang ramai yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan menghubungi 03-894 85242 atau e-mel kepada zulmuslim@yahoo.com.



ZULKIFLI menunjukkan contoh jubin rekaan kumpulannya di UPM, Serdang baru-baru ini.